

DBKL roboh kedai makan haram

KUALA LUMPUR - Sebuah premis kedai makan di Jalan Klang Lama, di sini di-robohkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) selepas didapati dibina di atas tanah rizab awam tanpa kebenaran.

Menurut DBKL dalam kenyataan di Facebook pada Sabtu, tindakan merobohkan struktur kedai makan dilakukan setelah pemilik membuat pengosongan peralatan dan barangan di dalam premis tersebut.

“Struktur kedai makan ini dibina atas rizab awam tanpa kebenaran pihak DBKL

dan telah diberikan notis pada 19 Mei tahun lalu.

“Kesalahan telah diambil tindakan mengikut Seksyen 26, Akta Perancangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1982 dengan kerjasama pihak Air Selangor, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan kawalan keselamatan daripada pihak polis serta penguat kuasa DBKL.

“Operasi bersepadu kali ini berjalan dengan lancar dan akan diteruskan dari masa ke masa,” kata DBKL.

Kerja-kerja meroboh premis yang dibina secara haram di tanah rizab awam.

